

'Dedah lokasi menantu Muhyiddin'

SPRM minta ahli perniagaan kembali Malaysia tanpa sebarang alasan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahafiz.abdullah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peguam kepada Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan perlu mendedahkan lokasi keberadaan ahli perniagaan itu yang kini disenarai antara dua individu dikehendaki Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya tidak mengetahui kedudukan sebenar Muhammad Adlan yang juga menantu kepada bekas Perdana Menteri itu, yang dikatakan ke luar negara dengan alasan menjalinkan perniagaan.



"Saya tidak tahu (lokasi luar negara Muhammad Adlan). Peguamnya yang bijaksana pasti tahu di mana dia berada," katanya kepada *BH*.

Kelmarin, *BH* melaporkan menantu kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin itu menegaskan beliau tidak melarikan diri daripada pihak berkuasa, sebaliknya akan kembali ke tanah air untuk membantu siasatan selepas selesai segala urusannya.

Muhammad Adlan menerusi peguamnya, Datuk Baljit Singh Sidhu, menegaskan beliau meninggalkan Malaysia secara sah dan tidak pernah ditangkap atau pernah dipanggil SPRM bagi membantu siasatan.

Peguam itu mendedahkan, Muhammad Adlan pernah dihubungi pegawai SPRM dan menja-

wab secara bertulis melalui surat bertarikh 3 Jun lalu dengan menyatakan keluar negara bagi urusan dan akan kembali selepas hal itu selesai.

Beliau berkata, anak guamnya yang turut memberikan tarikh akan kembali ke tanah air, terkesan dengan SPRM berhubung tindakan 'memburu' dan menuding jari terhadapnya sehingga merugikan beliau.

Dalam pada itu, Azam meminta ahli perniagaan itu yang kini berada di luar negara untuk balik berurusan dengan SPRM tanpa sebarang alasan.

Cari sejak Jun

Sambil menafikan dakwaan bahawa SPRM hanya baru-baru ini mencari Muhammad Adlan, Azam sebaliknya menegaskan agensi berkenaan sudah beberapa kali mencuba menghubungi Muhammad Adlan.

"Kita sudah mencarinya sejak Jun, tetapi (Muhammad Adlan) gagal untuk beri kerjasama dan setiap kali pegawai penyiasat kami berhubung dengannya, ada (saja) alasan diberikan.

"Tindakan (notis individu di

kehendaki) dilakukan apabila beliau tidak mahu bekerjasama dan bukan ada kaitan dengan Pilihan Raya Negeri (PRN)," katanya kepada *BH*, semalam.

Azam berkata, pasukan peguam yang mewakili Muhammad Adlan juga perlu memainkan peranan untuk memastikan ada memberi kerjasama mengikut undang-undang negara.

"Tindakan (notis individu dikehendaki) dilakukan apabila beliau tidak mahu bekerjasama dan bukan ada kaitan dengan Pilihan Raya Negeri (PRN)"



Azam Baki,
Ketua
Pesuruhjaya
SPRM

Azam pada sidang media kelmarin juga berkata, SPRM percaya dua lelaki, termasuk Muhammad Adlan melarikan diri ke luar negara selepas dimasukkan dalam 'wanted list' (orang dikehendaki) agensi itu.

Berikutan itu, SPRM akan memohon Notis Merah daripada Polis Antarabangsa (INTERPOL) terhadap dua individu berkenaan jika mereka gagal tampil untuk menghadapi pendakwaan di negara ini.

Isnin lalu, SPRM mengeluarkan kenyataan sedang mencari dua lelaki tempatan bagi membantu siasatan kes penyelewengan projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing bagi sebuah kementerian.

Selain Muhammad Adlan, seorang lagi adalah peguam, Mansoor Saat, 69, yang mana rekod alamat terakhirnya di Subang Jaya, Selangor.

SPRM juga mendedahkan hasil semakan dengan Jabatan Imigresen mendapati kedua-dua individu terbabit meninggalkan Malaysia masing-masing pada 17 dan 21 Mei lalu serta tiada rekod masuk kembali ke negara ini.